

Dalam kejadian pada Ahad, gadis Ireland yang mengalami masalah pembelajaran itu tiba bersama keluarganya dari London pada Sabtu untuk percutian dua minggu, sebelum Nora Anne dilaporkan hilang.

Remaja berkenaan disedari hilang dari bilik penginapannya di resort berkenaan oleh keluarganya pada pukul 8 pagi.

Sementara itu, lebih 20 petugas media tempatan dan antarabangsa berkampung di jalan masuk ke resort itu sejak awal pagi tadi. Media bagaimanapun tidak dibenarkan masuk ke kawasan resort itu dengan pintu masuk dikawal ketat oleh anggota keselamatan. - BERNAMA